Berita Harian
IKUTI KAMI DI
Berita Harian Singapura
@BeritaHarianSG
KHAMIS, 28 JANUARI 2016 (18 RABIULAKHIR 1437)


DANA RM2.6 BILION DALAM AKAUN PM MALAYSIA

# Saudi sahkan beri dana bantu Najib menang pilihan raya

**LONDON:** Arab Saudi mengesahkan dana berjumlah RM2.6 bilion ($0.87 bilion) yang dimasukkan ke dalam akaun Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, merupakan bantuan kewangan bagi membantu beliau memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) 2013.

Sumber terdekat keluarga diraja Arab Saudi yang enggan dikenali mendedahkan kepada rangkaian *BBC* bahawa pemberian bantuan kewangan itu sebenarnya daripada Almarhum Raja Abdullah yang menggunakan wang peribadi dan negara.

Menurut sumber itu, sumbangan tersebut dibuat selepas wujud kebimbangan Arab Saudi berhubung penularan pengaruh Pergerakan Ikhwanul Muslimin.

"Tujuan pemberian dana ini sangat mudah – bagi membantu Datuk Najib menang besar pada PRU 2013 dengan memberi fokus kepada kerja kempen, memberi tumpuan kepada Sarawak selain pembiayaan program lain ketika pilihan raya," katanya kepada *BBC.*

Menurutnya, pemberian dana oleh Arab Saudi kepada Datuk Najib merupakan perkara biasa dan turut diberikan kepada negara lain.

Peguam Negara Malaysia Tan Sri Mohamed Apandi Ali sebelum ini berkata tidak ada sebarang kesalahan dilakukan oleh Datuk Najib dalam isu dana RM2.6 bilion dan SRC International.

Beliau menjelaskan bahawa Datuk Najib menerima AS$681 juta ($974 juta) daripada keluarga diraja Arab Saudi antara 22 Mac 2013 dengan 10 April 2013.

Namun, sebanyak AS$620 juta dipulangkan kembali oleh Datuk Najib kepada keluarga diraja Arab Saudi kerana dana tersebut tidak digunakan.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menjelaskan bahawa siasatan yang membawa kepada penemuan Peguam Negara berhubung kes SRC International dan dana RM2.6 bilion dilakukan secara teliti dan menyeluruh.

Beliau berkata setiap bukti dan perkara berkaitan disiasat dengan mendalam.

"Tidak ada siapa pun harus mempersoal proses undang-undang kita atau kecekapan dan kebebasan institusi di Malaysia," kata Datuk Ahmad Zahid.

Beliau berkata tidak ada syarat dikenakan atas derma yang telah dibuat kepada Datuk Najib secara peribadi iaitu yang dibuat ekoran kepercayaan pada beliau dan kepimpinannya.

"Saya mengetahui perkara ini selepas bertemu sendiri dengan penderma yang dimaksudkan. Perdana Menteri memilih sendiri supaya menggunakan sumbangan (itu) bagi kepentingan parti dan keperluan masyarakat di seluruh Malaysia," katanya. – Agensi berita.

**Laporan lanjut**
– Muka 3

# Seni sana sini meski di kilang besi



**KARYA EKSPERIMENTAL:** *(Dari kiri)* Encik Zulkhairi Zulkiflee, Encik Dzaki Safaruan dan Encik Nhawfal Juma'at memanfaatkan ruang kilang besi yang dipanggil Mettle Work di Lorong 17 Geylang bagi memaparkan karya unik yang mempersoal semula isu seperti kewajaran, pengaruh dan peranan seni dalam kesederhanaan. – Foto TAUFIK A. KADER

**HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

SIAPA yang menduga dalam bilik kecil yang terpencil di sebuah kilang besi, wujud pelbagai karya seni yang membuka minda tentang kesenian yang diperlekeh masyarakat?

Inilah yang diusahakan sekumpulan seniman muda dalam pameran *Dancing On The Spot* yang berlangsung hingga Sabtu ini di ruang seni Mettle Work sekitar Lorong 17 Geylang.

Tujuh artis tersebut – Encik Dzaki Safaruan, Encik Khairul Ikhwan, Encik Lai Yu Tong, Encik Nhawfal Juma'at, Encik Ryan Ben Lee, Cik Tay Ining dan Encik Zulkhairi Zulkiflee – bergabung tenaga dalam menjana karya bersandarkan sumber rujukan terdahulu tentang keadaan seni di Singapura.

Penggiat teater setempat Encik Ong Keng Sen pernah menyelongkar isu mutu seni di sini dalam wawancara bersama wartawan penyiaran, Cik Bharati Jagdish.

Seniman, pengukir arca dan komposer Amerika Syarikat, Encik Walter De Maria, pula pernah menghasilkan esei bertajuk *Meaningless Work* yang menjadi asas pameran itu.

Encik Dzaki, 24 tahun, menjelaskan bahawa *Dancing On The Spot* merupakan pelantar bagi menyajikan karya seni yang jujur, tidak berunsur komersial dan mempersoal tujuan sesebuah karya seni.

"Karya cetakan digital saya yang bertajuk *Bacon Strips* mengetengahkan lukisan 1954 Francis Bacon, *Figure With Meat*, yang dihiris.

"Idea menghasilkannya timbul ketika saya ke Muzium Tate di Britain dan memikirkan tentang permainan perkataan yang boleh saya hasilkan dalam karya seni. Saya inginkan karya kali ini mencuit hati orang meskipun ia jauh daripada realiti," ujar lulusan Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) itu.

Encik Zulkhairi, 24 tahun, juga lulusan Nafa, pula menambah bahawa pameran itu diharap dapat menyediakan ruang bagi seniman muda bereksperimen sambil menekankan ciri buat sendiri (DIY) dan berdikari.

"Sesetengah orang mungkin menganggap amalan seni itu tidak bererti apa-apa dan membuang masa. Kadangkala saya bertanya bolehkah sesuatu karya seni itu dihasilkan tanpa difahami? Bagaimana menjadikannya sebagai satu cara menghurai masalah?

"Karya saya yang bertajuk *Badan* mengalihkan cebisan seni cetakan kepada penemuan objek.

"Ia adalah satu penerokaan tubuh manusia secara fizikal dan bukan fizikal di samping bergantung pada pelbagai rujukan teks, daripada Al-Ghazali hinggalah *Shakespeare's Sonnet 129*," jelasnya.

Encik Nhawfal, 24 tahun, yang menghasilkan karya bertajuk *Circles and Triangles on Masking Tape* pula berkata:

"Kesederhanaan menjadi teras karya saya. Dengan menggunakan pita pelekat, saya menambah kepentingan objek ini sebagai bahan utama dalam karya seni saya. Ia petanda ada objek harian yang tidak harus kita ketepikan fungsi pentingnya.

"Bentuk bulat dan segi tiga yang dilukis dengan lakaran arang turut menjadi fokus karya saya."

Pameran ini dibuka hingga Sabtu ini dari 12 tengah hari hingga 7 malam di Mettle Work, 50 Lorong 17 Geylang.






CD Titik Merah
AISYAH
Lirik Amanah Mustafi

Dijual $10 sekeping bagi tujuan amal untuk disalurkan ke Kelab Heal

Boleh didapatkan di pejabat Berita Harian

Bagi pembelian e-mel kirimkan kepada bhpromo@sph.com.sg





Discover Greener Pastures

Call 1800 289 8822
or e-mail
notices@sph.com.sg
to place your
Change of
Address Notices




Diterbitkan dan dicetak oleh Singapore Press Holdings Limited. Co. Regn. No. 198402868E.
Anggota Pengedaran Biro Audit Singapura. Perkhidmatan Pengguna (Pengedaran): 6388-3838, circs@sph.com.sg, Faks: 6746-1925.